

Amil tanpa tauliah kutip RM3 juta

Beri kesan kepada institusi zakat, mencuri hak asnaf yang layak

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
BUKIT MERTAJAM

Su kegiatan amil tanpa tauliah yang aktif mengutip zakat secara tidak sah daripada orang ramai dan syarikat di negara ini masih berlutan sehingga kini.

Bukan itu sahaja, kebanyakannya mereka yang ber selindung di sebalik nama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga dikesan melaku kan aktiviti kutipan zakat me langkui negeri dan meng agihkannya di tempat lain sehingga menjelaskan peng urusan institusi zakat yang sah di negeri terbabit.

Profesor Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam

Malaysia (USIM), Profesor Dr Azman Ab Rahman berkata, perbuatan itu boleh dianggap sebagai mencuri apabila pihak berkenaan datang membuat kutipan zakat di negeri orang lain tanpa mendapat kebenaran dan tauliah daripada pihak berkuasa agama negeri.

"Kumpulan NGO dan amil yang tiada tauliah ini menggunakan ruang serta peluang yang ada untuk mendapatkan dana.

"Ada sesetengah daripada mereka mendapat pulangan atau komisen sehingga 50 peratus daripada kutipan zakat yang diterima. Bayangkan ada yang mampu kutip sehingga RM3 juta, berapa pulangan yang mereka terima hasil daripada kutipan itu," katanya ketika menjadi panel dalam forum bertajuk 'Polemik isu amil tanpa tauliah' yang diadakan sempena Seminar Kefatwaan Zakat 2022 di sini pada Khamis.

Forum itu turut menampilkan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Luqman Abdullah dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, Datuk Rosli Othman sebagai panelis.

Mengulas lanjut, Azman ber-



Dua dari kiri: Luqman, Azman dan Rosli ketika menjadi panelis dalam forum bertajuk 'Polemik isu amil tanpa tauliah' sempena Seminar Kefatwaan Zakat 2022 di Bukit Mertajam pada Khamis.

kata, kutipan oleh amil tanpa tauliah menyebabkan perancangan yang telah dibuat oleh institusi zakat negeri itu terjejas dan kucar-kacir berikut an kehilangan jumlah besar dana.

"Isu berkenaan masih ber larutan disebabkan kurang pe nguatuasaan selain tidak semua negeri mempunyai akta atau enakmen penguatuasaan mengenai kesalahan itu (me lakukan kutipan zakat tanpa

tauliah)," katanya.

Malah beliau berkata, nege ri yang mempunyai undang undang itu pula masih me ngekalkan hukuman yang ringan sekiranya disabitkan atas kesalahan terbabit.

"Pulau Pinang misalnya, Seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996 iaitu pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa hanya mengenakan denda RM3,000 atau penjara dua tahun atau

kedua-duanya sekali.

"Denda hanya RM3,000 bagi mereka tiada apa-apa kerana komisen yang di terima jauh lebih tinggi. Perkara ini yang perlu di semak semula.

"Selain itu, proses pemutihan perlu dibuat kepada ejen-ejen kutipan yang dilantik dan perlu diberi pe nerangan dalam melaksana kan tanggungjawab kutipan zakat ini," katanya.

ZPP terima pengiktirafan antarabangsa dalam sistem pengurusan



Amran (kiri) menerima Pensijilan ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 daripada Platinum Shauffmantz Veritas.

BUKIT MERTAJAM - Zakat Pulau Pinang (ZPP) menerima pengiktirafan antarabangsa melalui pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MS 1900:2014.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Amran Hazali berkata, penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 itu memberi pengiktirafan kepada ZPP dalam usaha membuktikan kebolehan dan keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan serta perundangan secara konsisten sebagai sebuah institusi zakat di Pulau Pinang.

Menurutnya, membangunkan dan melaksanakan sistem pengurusan kualiti dalam persekitaran semakin dinamik dan kompleks merupakan satu keputusan strategik bagi ZPP kerana ia salah satu kaedah yang telah terbukti dapat membantu meningkatkan prestasi secara menyeluruh.

"Pensijilan ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 adalah satu standard menggariskan asas-asas utama bagi mewujudkan dan melaksanakan Sistem Pengurusan

Kualiti yang berkesan dan memepati tujuan penubuhan.

"Melalui pelaksanaan sistem pengurusan kualiti, organisasi dapat mengenal pasti peluang penambahbaikan dan keperluan sumber dalam penyampaian per khidmatan kepada pelanggan melalui pemantauan dan penilaian serta dilaksanakan secara ber kala.

"Selain itu, pelaksanaan sis tem pengurusan kualiti memberi pendedahan tentang pengurusan risiko dengan mengenal pasti, menilai dan menangani risiko di dalam organisasi," katanya ketika berucap pada Majlis Malam Anugerah Sijil MS ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 di sini pada Khamis.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang juga Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Ir Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dan Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor.

Amran berkata, ZPP sebelum ini telah diaudit oleh pihak Platinum Shauffmantz Veritas Sdn Bhd pada 1 hingga 4 November lalu.

Jelasnya, keputusan peng

audit selama empat hari telah melayakkan Zakat Pulau Pinang untuk mendapatkan pengiktirafan ISO 9001:2015 & MS 1900:2014 dengan sifar ketidakpatuhan.

Sementara itu, Ahmad Zakiyuddin memuji inisiatif ZPP untuk mendapatkan pensijilan dalam sistem pengurusan kualiti yang diiktiraf badan antarabangsa itu.

"Dapat saya simpulkan di sini bahawa Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MS 1900:2014 ini boleh dijadikan bukti komitmen dan kebolehan ZPP dalam menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak dan peng harapan pengguna selaras dengan perundangan berkaitan."

"Pengiktirafan ini juga bukan sahaja untuk menunjukkan ZPP cemerlang dalam mengekalkan tadbir urus dan memberikan per khidmatan yang berkualiti, tetapi pensijilan ini juga penting bagi membolehkan ZPP berdiri sama tinggi dengan pusat-pusat zakat negeri lain dalam urusan pentadbiran yang lebih berkualiti," katanya.